

PENGUMUMAN

PELAKSANAAN PERKHIDMATAN AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MALAYSIAN QUALIFICATIONS AGENCY, MQA) BAGI MENCEGAH PENULARAN WABAK COVID-19

1. Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) sentiasa komited bersama Kerajaan dalam membendung penularan wabak COVID-19.
2. MQA ingin memohon perhatian semua pihak, terutamanya pelanggan yang berurusan dengan MQA dan pengunjung ke bangunan Mercu MQA di Cyberjaya mengenai situasi semasa COVID-19. Pada umumnya, perkhidmatan MQA diteruskan dengan beberapa pengubahsuaian sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang bermula pada 22 Oktober 2020. Justeru itu, MQA meminta pelanggan dan pengunjung untuk berurusan **secara dalam talian atau penghantaran dokumen melalui pos** seperti berikut:

Bil.	Urusan:	Pilihan Pelaksanaan:
a.	Perkhidmatan Kaunter Permohonan	Penghantaran dokumen melalui pos
b.	Penilaian Akreditasi Yang Melibatkan Lawatan Premis	MQA Virtual Audit
c.	Hari Mesra Pelanggan	Hari Mesra Pelanggan Dalam Talian
d.	Latihan Jaminan Kualiti	Latihan Jaminan Kualiti Dalam Talian
e.	Pengambilan Sijil Akreditasi/APEL	Penghantaran melalui pos
f.	Pengambilan Surat Nilai Taraf/Pengesahan Pengiktirafan	Penghantaran melalui pos
g.	Pembayaran Perkhidmatan	Pembayaran secara dalam talian dengan merujuk https://www.mqa.gov.my/pv4/bm/faq_payment.cfm

3. Sehubungan itu, segala perbincangan dan perundingan berkaitan perkhidmatan MQA perlu dilaksanakan secara dalam talian (*online*) sahaja.
4. Pertanyaan lanjut atau khidmat nasihat khusus juga boleh disalurkan ke sistem atau e-mel berikut:

Pertanyaan Umum	: https://www2.mqa.gov.my/sppa/
Pendaftaran Program	: unitpendaftaran@mqa.gov.my
Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL)	: apeladmin@mqa.gov.my
Nilai Taraf/Pengesahan Pengiktirafan	: esisraf@mqa.gov.my
Sijil Akreditasi/ <i>Malaysian Qualifications Register</i> (MQR)	: unitsijil@mqa.gov.my / mqr@mqa.gov.my
Latihan Jaminan Kualiti	: upjk.mqatc@mqa.gov.my

5. Pemakluman MQA ini adalah tertakluk kepada perkembangan terkini wabak COVID-19 dan arahan pihak berkuasa. MQA berhak untuk membuat sebarang pindaan atau penambahbaikan terhadap pelaksanaan perkhidmatan MQA dari semasa ke semasa. Pelanggan dan pengunjung di bangunan Mercu MQA adalah dimohon mengambil perhatian terhadap pemakluman ini bagi mencegah penularan wabak COVID-19.

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)
22 OKTOBER 2020**